



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

SIARAN MEDIA

MAJLIS PENUTUP DEBAT MALAYA PIALA MENTERI SUMBER MANUSIA TAHUN 2025

1. Julung kalinya Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS), Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) telah menjalin kerjasama strategik dengan Majlis Orator Universiti Malaya (MORUM) sebuah organisasi pelajar di bawah naungan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) Universiti Malaya bagi menganjurkan Pertandingan Debat Malaya Piala Menteri Sumber Manusia pada tahun ini.
2. Pertandingan Debat Malaya Piala Menteri Sumber Manusia 2025 telah diadakan pada 1 sehingga 3 Ogos 2025 (secara dalam talian) yang melibatkan dua puluh satu (21) pasukan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan dua puluh sembilan (29) pasukan Sekolah Menengah di Malaysia. Empat (4) pasukan yang berjaya bagi setiap kategori telah bertanding secara fizikal di Universiti Malaya (separuh akhir) dan seterusnya ke pertandingan peringkat akhir pada hari ini, 6 Ogos 2025 (Rabu).
3. Usaha penganjuran Debat Malaya Tahun 2025 ini bukan sahaja memperkukuh objektif pertandingan iaitu memperkasa budaya diskusi ilmu dengan membahaskan tajuk yang lebih terperinci mengenai peranan tenaga kerja dan kesatuan sekerja dalam pembangunan ekonomi Malaysia, malah memberi pendedahan awal kepada sumber tenaga kerja masa hadapan terhadap realiti pasaran pekerjaan dan peranan Kesatuan Sekerja dalam menggalakan pekerja di Malaysia menyertai Kesatuan Sekerja bagi memastikan nasib golongan pekerja lebih diperkasakan dan terbela.

4. KESUMA terus komited dalam membangun modal insan negara dengan melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memastikan modal insan negara terus relevan dan berdaya saing. Dalam hal ini, KESUMA menerusi agensi di bawahnya seperti Jabatan Tenaga Manusia (JTM), Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRD Corp) terus memperkasa pendidikan teknikal dan vokasional (TVET) dengan memperkukuh latihan kemahiran dalam menawarkan dan menyediakan pelbagai program peningkatan kemahiran atau melatih untuk memperoleh kemahiran baru berteraskan pendidikan, latihan teknikal dan vokasional dan pelbagai disiplin cabang pekerjaan. Agensi-agensi ini juga turut menawarkan program latihan kemahiran meliputi aspek teori dan praktikal, mencakupi pelbagai bidang yang bersesuaian dengan permintaan industri semasa.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA (KESUMA)
06 OGOS 2025

LAMPIRAN**LATAR BELAKANG KESUMA**

Kementerian Sumber Manusia atau singkatannya KESUMA adalah kementerian yang bertanggungjawab kepada pembangunan kemahiran, pekerjaan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kesatuan sekerja, perhubungan perusahaan, maklumat dan analisis pasaran buruh dan keselamatan sosial.

PERANAN & TANGGUNGJAWAB KESUMA

Membangunkan dan melahirkan modal insan yang kompeten, produktif, responsif dan berdaya tahan dalam pasaran buruh negara ke arah meningkatkan produktiviti negara. Memastikan kelancaran operasi pasaran buruh negara. Meningkatkan kebolehpekerjaan dan penggajian tenaga kerja tempatan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja negara. Memastikan perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif. Mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Memastikan jaringan keselamatan sosial yang komprehensif, dinamik dan progresif.

JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KESUMA

JABATAN	AGENSI
Jabatan Tenaga Manusia (JTM)	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM)	Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)
Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)	Human Resources Development Corporation (HRDC)
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	Talent Corporation Malaysia Berhad (TALENTCORP)
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)
Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)	
Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS)	
Jabatan Tenaga Kerja Sabah	
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak	